

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan JAKIM telah memberikan pengiktirafan untuk 'Halal Certification Body' (HCB) bagi 67 buah badan/organisasi di dunia dengan pelbagai logo halal masing-masing. Sejauh manakah ini berkesan untuk menyeragamkan standard halal dunia/global dan dari 67 badan ini, berapakah yang benar-benar mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh JAKIM.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada melaksanakan fungsi Pensijilan Halal Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga memberikan pengiktirafan kepada Badan Pensijilan Halal Luar Negara. Pengiktirafan ini dilaksanakan berdasarkan kepada Prosedur Pelantikan Badan Pensijilan Halal Luar Negara. Antara faktor

pengiktirafan terhadap Badan Pensijilan Halal Luar Negara dibuat adalah:

- a) melantik organisasi yang boleh membuat pengesahan halal mengikut piawaian Halal Malaysia;
- b) melantik organisasi yang boleh menjadi badan pemantau halal terhadap kilang pengeluaran produk yang mendapat SPHM di luar negara; dan
- c) melantik organisasi yang mampu menjadi badan pemantau halal terhadap loji sembelihan di luar negara yang diiktiraf Malaysia.

Sehingga hari ini, sejumlah 62 Badan Pensijilan Halal, dan lima (5) buah Pihak Berkuasa Berwibawa halal dari 41 buah negara telah diberi pengiktirafan dan layak berdasarkan ketetapan piawaian JAKIM. Maklumat lanjut bentuk logo dan badan-badan pensijilan halal yang diiktiraf boleh dirujuk di laman sesawang - www.halal.gov.my

Bagi memastikan kemampuan Badan Pensijilan Halal Luar Negara ini memenuhi piawaian halal Malaysia, dari masa ke semasa JAKIM menganjurkan program-program pemerksaan antaranya *Halal Certification Bodies Convention, Halal Certification Bodies Enhancement Programme* dan *Syariah and Technical Halal Awareness Programme*. Pengiktirafan diberikan kepada organisasi yang telah melalui sesi pemeriksaan oleh auditor Syariah dan diluluskan oleh Panel Halal Luar Negara. Pengiktirafan diberi untuk tempoh 2 tahun, dan akan diaudit semula untuk disambung pengiktirafan berserta komitmen daripada organisasi terbabit dengan piawaian Halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.